

Masalah siswazah menganggur dihapus

— Mustapa

U.M. 28/08/07 M/S2
PUTRAJAYA 27 Ogos - Sektor pengajian tinggi di negara ini akan mengalami perubahan radikal kesan daripada pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara termasuk menghapuskan sama sekali masalah siswazah menganggur.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, masalah pengangguran siswazah tidak akan wujud pada masa depan apabila pelbagai perancangan dilaksanakan bagi melahirkan siswazah yang memiliki kemahiran teknikal dan komunikasi yang mudah diterima pasaran kerja.

"Kita telah mendapat maklum balas daripada pihak industri yang mahukan sesuatu yang radikal dilakukan untuk mentransformasikan pendidikan negara bagi melahirkan siswazah berkualiti dan ini akan dilakukan melalui pelan strategik itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini hari ini.

Universiti

Mustapa berkata, perubahan lain yang akan disaksikan ialah lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) negara akan dinaik taraf sebagai institusi terbilang yang setanding dengan universiti-universiti terbaik dunia.

"Dengan adanya universiti sedemikian kita akan dapat memastikan modal insan yang dilahirkan IPT Malaysia adalah kelas pertama," ujarnya.

Menurut beliau, perubahan lain ialah Malaysia akan menjadi hab kecemerlangan pendidikan tinggi dengan kemasukan lebih ramai pelajar asing.

"Pada masa ini kita mempunyai kira-kira 50,000 pelajar asing dan jumlah itu dijangka bertambah lebih banyak lagi apabila taraf universiti kita dapat ditingkatkan," ujarnya.

Dalam pada itu, Mustapa menjelaskan, pelan strategik itu adalah kesinambungan daripada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilancarkan oleh Abdullah pada Januari lalu untuk meningkatkan kecemerlangan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

"Perdana Menteri ketika berucap melancarkan PIPP telah menyatakan bahawa Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Pelajaran) berjanji akan memberikan pelajar terbaik kepada pihak universiti dan IPT pula mesti melahirkan siswazah terbaik," katanya.